



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM LAMAN SATU (1)
BAYI SATU (1) POKOK

OLEH

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' Ir. HAJI AHMAD
ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
TIMBALAN KETUA MENTERI I PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
24 DISEMBER 2019 (SELASA)
9.40 PAGI

VISION PARK BERTAM
KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang
dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod
Puan Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Encik Mohd Nor Bin Sabu
Pengurus Besar
Bertam Properties

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-kakitangan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Program Laman Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok di *Vision Park* Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang kerana sudi hadir merasmikan program pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar; Yang Berusaha Encik Mohd Nor Bin Sabu, Pengurus Besar Bertam Properties yang mewakili Bertam Properties; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan; wakil-wakil daripada agensi kerajaan; komuniti; syarikat-syarikat swasta dan badan-badan bukan kerajaan serta para hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada pagi yang indah ini. Tidak ketinggalan juga

saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini, terutamanya Jabatan Landskap MBSP.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menetapkan hala tuju dengan mensasarkan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 50% menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, mensasarkan untuk menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

MBSP telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Dengan menjadikan “*Seberang Perai*

is for All” sebagai *guiding principal* MBSP memacu ke arah inklusif dengan visi “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi**”. Ianya menggambarkan komitmen serta usaha yang digembeleng oleh MBSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni. Ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yg pertama di Malaysia dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi yang termaktub dalam *Penang2030 “A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation”* di bawah Tema D “*Invest in the Built Environment to Improve Resilience*”.

Di bawah Hala Tuju Strategik ke Arah Bandaraya Seberang Perai yang Mampan dan Lestari, iaitu di dalam Strategi 5: Kehijauan dan Penyerapan, MBSP mensasarkan 100,000 batang pokok ditanam sebelum tahun 2022 dengan anggaran pokok ditanam setiap tahun mencapai jumlah 25,000 batang pokok. Sehingga September 2019, jumlah pokok yang telah ditanam oleh MBSP di seluruh Seberang Perai adalah 263,630 batang pokok.

Ini adalah satu perancangan atau komitmen MBSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, warga Seberang Perai dan Kerajaan Negeri

dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP, dan seterusnya menjadikan MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan '*civil society*'. Ianya adalah untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif sejajar dengan seruan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Bandar Raya Rendah Karbon.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Inisiatif menanam pokok adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang sering melanda negara kita. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Pokok-pokok dalam kuantiti yang banyak mempengaruhi iklim, seterusnya memberi kesan kepada cuaca. Pokok-pokok yang ditanam di bandar boleh menjadi penghias kawasan, penghias bangunan, penghias pinggir jalan dan tidak kurang yang merujuknya sebagai penambah atau pemberi kesan kehijauan.

Untuk menjayakan program penanaman pokok di Seberang Perai, MBSP telah melaksanakan beberapa program penanaman pokok secara besar-besaran.

- I. Kali pertama ianya diadakan adalah Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan pada 27 Ogos 2017, yang melibatkan penanaman 3,002 pokok teduhan jenis *Tecoma (Tabebuia sp.)* secara serentak di 13 lokasi di seluruh Seberang Perai. Untuk usaha ini, MBSP telah diiktiraf sebagai penganjur bagi "**The Largest Tecoma Tree Planting Event**" dalam *Malaysia Book Of Records*;

- II. Kali kedua diadakan adalah Program Penanaman Pokok Teduhan dari Jenis *Xanthostemon chrysanthus (Golden Penda)* Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 pada 7 September 2019 di mana sebanyak 5,100 pokok Golden Penda ditanam secara serentak di 44 lokasi kawasan lapang di Seberang Perai. Usaha ini juga telah membolehkan MBSP mendapat pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai "*The Largest Golden Penda (Xanthostemon chrysanthus) Tree Planting Event*".

- III. Selain itu, MBSP juga telah melaksanakan Program Taman Komuniti melalui Konsep Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok di Taman Komuniti Bandar Perda dan pada hari ini di *Vision Park* Bertam.

- IV. Pada 13 Oktober 2018 pula sejumlah Pokok Berembang (*Sonneratia caseolaris*) di pinggir Sungai Kerian di Kampung Che Isa, Teluk Ipil, Seberang Perai Selatan.

- V. Pada 6 Oktober 2019, sempena Pemasyhurannya Majlis Bandaraya Seberang Perai, sebanyak 5,555 pokok daripada 10 spesies telah ditanam secara serentak di 40 di seluruh Sebrang Perai.

MBSP memberi penekanan terhadap peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat selaras dengan SDG 11: "*Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*"; dan SDG 13: "*Take urgent action to combat climate change and its impact*".

Dalam tahun 2019, MBSP telah mewujudkan kawasan-kawasan rekreasi atau koridor hijau (*green corridor*) melalui proses penambahbaikan tanah asal rezab parit dan kawasan-kawasan berpotensi iaitu:-

- A. *Tecoma Park*, Bandar Perda dengan kawasan seluas 2.393 ekar di mana *pedestrian walkway* akan dibina dan pokok-pokok akan ditanam.

- B. *Upcycle Park* dengan keluasan 1.038 ekar yang merupakan taman *upcycle* pertama di Malaysia.

- C. Rizab parit di Taman Komuniti yang dijadikan laluan *Cycle To Work* dengan keluasan 1.763 ekar

- D. Taman Komuniti untuk Program Satu Bayi Satu Pokok di rezab parit monsun dengan keluasan satu (1) ekar.

- E. *Food Truck Bazar* yang merupakan program *Local Economic Development* di bersebelah *Upcycle Park*, Bandar Perda sepanjang 100 meter.

- F. Kolam Ikan di Parit Monsun sepanjang 100 meter bersebelahan *Upcycle Park*.
- G. MBSP *Eco Corridor* yang berkeluasan 0.03 ekar yang merupakan pendekatan baru kawasan hijau yang direka khas untuk penggunaan untuk pejalan kaki, *jogging* dan berbasikal. Matlamat utama adalah untuk mengurangkan jejak karbon dengan niat untuk mempromosikan persekitaran yang santai dan sihat kepada masyarakat. Ia merupakan peningkatan ke atas kemudahan rekreasi sedia ada yang berfungsi sebagai paru-paru hijau serta menyediakan aktiviti rekreasi untuk masyarakat setempat.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Salah satu program yang ditetapkan dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 di bawah Keutamaan Strategi SP08, iaitu *Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni* adalah mewujudkan Taman Komuniti melalui konsep satu (1) bayi satu (1) pokok dengan penglibatan komuniti.

MBSP telah melaksanakan Program Taman Komuniti melalui Konsep Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok untuk pertama kalinya di Taman Komuniti Bandar Perda di sepanjang 1,100 meter Rezab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, SPT pada 7 Oktober 2018 di mana 208 batang pokok daripada spesies buah-buahan iaitu pokok ciku (*Manilkara zapota*) dan pokok jambu kancing / air (*Syzygium aqueum*) telah ditanam. Ini merupakan kali kedua program satu (1) bayi satu (1) pokok dilaksanakan di Vision Park Bertam. Seterusnya pada tahun hadapan, insyaAllah MBSP akan melaksanakan di Seberang Perai Selatan pula.

Lokasi program pagi ini adalah di *Vision Park*, Bertam, Seberang Perai Utara. Kawasan yang diperuntukkan untuk mewujudkan Laman 1 Bayi 1 Pokok adalah bekluasan 5,200 meter persegi di mana sejumlah 150 spesies *Manilkara zapot* (Pokok Ciku) dan 150 spesies *Annona muricate* (Pokok Durian Belanda) akan ditanam hari ini. Peserta yang terlibat adalah Anak Emas yang berdaftar di bawah Program I Sejahtera dan juga kakitangan MBSP yang mempunyai cahayamata yang lahir pada Januari 2019 hingga Ogos 2019. Pokok-pokok yang ditanam adalah ditanggung keseluruhannya oleh MBSP dengan kos sebanyak RM9,900.00.

Program ini diadakan bertujuan untuk mendidik orang ramai untuk menyayangi flora dan fauna serta alam sekitar bermula dari sejak lahir lagi. Pokok-pokok yang ditanam di sini adalah seumpama kembar kepada bayi-bayi tersebut. Program ini akan menjadi pemangkin kepada program tahunan berikutnya bersama keluarga yang bertuah ini di mana program partisipatori akan dilaksanakan untuk mendengar pandangan para peserta untuk mengadakan program susulan yang sesuai.

Program ini secara tidak langsung memberikan impak positif terhadap peningkatan kualiti alam sekitar demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik serta menggalakkan aktiviti riadah / rekreasi dan mengeratkan hubungan antara kakitangan Jabatan di MBSP dan juga orang ramai.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP komited dengan hasrat Kerajaan Negeri, menjadikan Negeri Pulau Pinang, negeri hijau pertama di Malaysia. MBSP akan terus merealisasikan penanaman pokok di seluruh Seberang Perai. Saya berharap agar suatu hari nanti, Seberang Perai dapat mencapai penanaman 1,000,000 juta pokok di Seberang Perai.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program Satu (1) Bayi Satu (1) Pokok. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan MBSP yang bertungkus lumus dalam persiapan penganjuran program ini. Harapan saya, hubungan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MBSP. Sehubungan itu, saya juga ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MBSP dalam program-program seumpama ini dalam menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Program penanaman pokok ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa untuk memupuk sifat kerjasama dan bersatu hati bagi merealisasikan harapan Kerajaan Negeri.

Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya pada 16 September 2019 dari usaha gigih warga kerja

MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “ ***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow***”. ***Syabas dan tahniah sekali lagi buat semua.***

Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, warga kerja MPSP, Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar; Yang Berusaha Encik Mohd Nor Bin Sabu, Pengurus Besar Bertam Properties serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas usaha-usaha MBSP.

Dengan ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.